

Headline	78.4 peratus pesakit HIV/ Aids melibatkan remaja	Language	MALAY
Date	25. Jun 2009	Page No	N5
Media Title	Sinar Harian	Article Size	96 cm2
Section	Nasional	Frequency	Daily
Circulation	60000	Color	Black/White
Readership	0	AdValue	386.88



78.4 peratus pesakit HIV/ Aids melibatkan remaja

KOTA BHARU - 78.4 peratus pesakit HIV/AIDS iaitu 66,418 orang melibatkan golongan belia yang berusia antara 13 hingga 39 tahun.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, perkara ini cukup memberi gambaran bahawa mereka mula terlibat dalam aktiviti berisiko tinggi itu pada awal usia remaja iaitu semasa di peringkat sekolah lagi.

"Kerajaan telah menetapkan tiga sasaran yang perlu dicapai menjelang akhir 2010 bagi menangani HIV/Aids iaitu dengan memastikan sekurang-kurang 95 peratus mereka yang berumur 15 hingga 24 tahun mendapat maklumat berkaitan.

"Selain itu kerajaan turut melaksanakan Program Sihat Tanpa Aids untuk remaja (Prostar) yang melibatkan pelajar sekolah dan lepasan sekolah," katanya semasa majlis perasmian Konvensyen

Prostar Sekolah peringkat kebangsaan 2009, semalam.

Teks ucapan beliau dibaca Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Konvensyen Prostar Sekolah, Abdul Jabar Ahmad.

Beliau berkata, memandangkan masalah remaja bukannya hanya terbatas kepada HIV/Aids, kementerian telah pun memperluaskan skop program itu dengan memasukkan isu-isu remaja masa kini seperti masalah pemakanan, tabiat merokok dan sebagainya.

Tiong Lai berkata, peningkatan gejala kurang sihat itu selari dengan peningkatan jangkitan HIV/Aids di mana keseluruhan kes HIV/AIDS yang dilaporkan dari tahun 1986 hingga 2008 ialah sebanyak 84,630.

"Pada tahun 2008 sahaja jumlah 3,692 kes HIV/Aids baru dilaporkan," katanya.